



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KONSTRUK INSTRUMEN PENILAIAN EFIKASI KENDIRI GURU PENDIDIKAN JASMANI

ABDUL RAHIM BIN DUMPOK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi



ABSTRAK




Kajian ini bertujuan menghasilkan instrumen dan menilai tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani (PJ) sekolah menengah dan mengetahui faktor-faktor persekitaran yang mempunyai perkaitan dengan tahap efikasi sendiri mereka. Kajian adalah berbentuk tinjauan. Tiga lokasi dipilih secara rawak iaitu daerah Petaling Utama bagi kategori bandar manakala daerah Hulu Selangor dan Sabak Bernam bagi kategori luar bandar. Sampel kajian ialah 307 orang guru PJ. Data dipungut menggunakan instrumen soal selidik Teachers Sense of Efficacy Scale (TSES) yang diubahsuai. Kesahan bahasa instrumen soal selidik diperoleh dengan merujuk kepada pakar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris manakala pakar bidang dirujuk untuk mendapatkan kesahan kandungan item soal selidik. Kajian rintis dijalankan terhadap 108 orang guru PJ di daerah Kinta Utara, Perak sebelum kajian sebenar bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik. Analisis Cronbach Alpha digunakan untuk mendapatkan kebolehpercayaan manakala Analysis Faktor digunakan bagi mendapatkan kesahan instrumen soal selidik. Data kajian dianalisis menggunakan statistik MANOVA dan Regresi Berganda. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan efikasi sendiri antara guru PJ di bandar dengan guru PJ di luar bandar, antara guru PJ lelaki di bandar dengan luar bandar, antara guru PJ perempuan di bandar dengan di luar bandar. Terdapat juga perbezaan yang signifikan antara opsyen dengan bukan opsyen guru PJ. Walaubagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan efikasi sendiri antara guru PJ lelaki dengan guru PJ perempuan. Analisis Regresi Berganda pula menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara lima faktor persekitaran dengan tahap efikasi sendiri guru PJ. Kajian ini menghasilkan instrumen penilaian efikasi sendiri guru PJ yang sah dan dapat digunakan oleh banyak pihak bagi menilai efikasi sendiri guru PJ dan faktor persekitaran yang mempengaruhi efikasi sendiri mereka. Hasil kajian ini dapat digunakan untuk melakukan penambahbaikan bidang perguruan dan sistem pendidikan negara.



THE CONSTRUCT OF PHYSICAL EDUCATION TEACHERS' SELF-EFFICACY EVALUATION INSTRUMENT

ABSTRACT

This study aims to produce an instrument and evaluation for the secondary school Physical Education (PE) teachers' level of self-efficacy and to identify the surrounding factors which are relative to their self efficacy. Survey is the chosen research method of which three locations were randomly chosen : Petaling Utama for the urban category and Hulu Selangor as well as Sabak Bernam for the rural area category. Samples selected for this study involved 307 PE teachers. Data were collected using a questionnaire, a survey instrument for Teachers Sense of Efficacy Scale (TSES), which was adapted. Language validity for the research instrument was obtained by referring to three experts in Bahasa Melayu and another three experts in English. Moreover, four content experts were selected as the main source of reference to get the validity for items in the questionnaires. A pilot study was carried out on 108 PE teachers from the Northern Kinta district in Perak prior to obtaining the validity and reliability of the questionnaire, as a research instrument. Cronbach Alpha was used to obtain reliability while Analysis Factor was used to get the validity if the instrument. Actual research data were analyzed using MANOVA statistics and Multiple Regression. Findings indicate that there are significant differences on the students involvement, instructional strategy, class management and self efficacy between PE teachers in the urban and rural areas, Male PE teachers in the urban and rural areas, and female PE teachers in the urban and rural areas. In addition, there was also a significant difference between PE teachers who opted for the subject and those who did not. Nevertheless, there was no significant difference found for students' level of involvement, instructional strategy, class management and self-efficacy of the female and male PE teachers. Multiple Regression Analysis indicated that there were significant differences between all five environmental factors and the PE teachers self efficacy. This study produces an instrument to evaluate valid PE teachers' self efficacy so that it can be applied by many parties in order to improve the local teaching profession and education system.



KANDUNGAN


Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi



BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Kepentingan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Limitasi Kajian	11
1.7	Definisi Operasional	12
1.7.1	Penilaian	12
1.7.2	Efikasi Kendiri	13
1.7.3	Penglibatan Pelajar	13
1.7.4	Strategi Instruksional	14
1.7.5	Pengurusan Kelas	14
1.7.6	Guru Pendidikan Jasmani	14
1.7.7	Bandar	15
1.7.8	Luar Bandar	15
1.7.9	Faktor- Faktor Persekitaran	16
1.7.9.1	Faktor Hubungan Dengan Pentadbir Sekolah	16
1.7.9.2	Faktor Hubungan Dengan Rakan Guru	16



	1.7.9.3 Faktor Waktu Mengajar Guru	17
	1.7.9.4 Faktor Tugas Di Luar Bilik Darjah	17
	1.7.9.5 Faktor Pengalaman Mengajar Guru	18


BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	19
2.2	Konsep Penilaian	20
2.3	Konsep Efikasi Kendiri	20
2.4	Teori-Teori Yang Berkaitan Efikasi Kendiri	22
2.4.1	Teori Kognitif Sosial	22
2.4.2	Teori Persekitaran / Teori Ekologi	24
2.4.2.1	Mikrosistem	25
2.4.2.2	Mesosistem	25
2.4.2.3	Eksosistem	25
2.4.2.4	Makrosistem	27
2.4.2.5	Kronosistem	28
2.5	Teori Konsep Efikasi Kendiri	28
2.6	Kerangka Teoritis Kajian	31
2.7	Kajian-Kajian Yang Berkaitan	33
2.7.1	Kajian Berkaitan Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani	34
2.7.2	Kajian Berkaitan Efikasi Kendiri Selain Guru Pendidikan Jasmani	47
2.8	Rumusan	56

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	58
3.2	Reka Bentuk Kajian	59
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	60
3.4	Pentadbiran Kajian Rintis (Peringkat Pertama)	65
3.4.1	Lokasi Kajian Rintis	66
3.4.2	Populasi dan Persampelan	66
3.4.3	Populasi Kajian Rintis	67
3.4.4	Sampel Kajian Rintis	67
3.4.5	Pemboleh Uban Kajian	70
3.4.6	Instrumen Penilaian Efikasi Kendiri Guru PJ	70

3.4.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Soal Selidik	74
3.4.7.1	Pentadbiran Kesahan Bahasa Soal Selidik	74
3.4.7.2	Pentadbiran Kesahan Kandungan Soal Selidik	79
3.4.7.3	Kebolehpercayaan Soal Selidik	82
3.4.7.4	Kesahan Instrumen Soal Selidik	84
3.5	Pentadbiran Kajian Sebenar (Peringkat Kedua)	92
3.5.1	Lokasi Kajian	94
3.5.2	Populasi Kajian	96
3.5.3	Sampel Kajian	97
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	101
3.7	Penganalisan Data	103
3.8	Rumusan	105
 BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	108
4.2	Analisis Inferensi Kajian	109
4.2.1	Persoalan Pertama Kajian	109
4.2.2	Persoalan Kedua Kajian	112
4.2.3	Persoalan Ketiga Kajian	116
4.2.4	Persoalan Keempat Kajian	120
4.2.5	Persoalan Kelima Kajian	123
4.2.6	Persoalan Keenam Kajian	127
4.3	Rumusan	132
 BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	134
5.2	Perbincangan	135
5.3	Kesimpulan	147
5.4	Cadangan	148
 RUJUKAN		151
 LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Sampel Kajian Rintis Mengikut Kategori, Jantina dan Opsyen Daerah Kinta Utara	68
3.2 Saiz Sampel Kajian Rintis Berdasarkan Kuasa dan Saiz Kesan	69
3.3 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Soal Selidik Efikasi Kendiri Guru oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy (2001)	71
3.4 Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bahasa Melayu	77
3.5 Kesahan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bahasa Inggeris	78
3.6 Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Berdasarkan Pakar Bidang	81
3.7 Kajian Rintis - Nilai Pekali Kebolehpercayaan Soal Selidik Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani Berdasarkan Komponen Penilaian Pendidikan Jasmani Serta Komponen Faktor Persekitaran	83
3.8 Keputusan Ujian Barlett's dan Kaiser-Meyer-Olkin	85
3.9 Keputusan Jumlah Varian	86
3.10 Total Variance Explained	88
3.11 Kesahan Konstruk Bagi Komponen Putaran Matriks Rotated Component Matrix	89
3.12 Kesahan Konstruk Bagi Komponen Putaran Matriks Rotated Component Matrix	90
3.13 Item Soal Selidik Hasil Analisis Faktor	91
3.14 Bilangan Sekolah Menengah Mengikut Daerah dan Kategori	93
3.15 Populasi guru PJ Mengikut Daerah Pendidikan Negeri Selangor	97
3.16 Sampel Kajian Mengikut Kategori, Jantina dan Opsyen	98
3.17 Bilangan Guru PJ mengikut Kategori, Bilangan Sekolah dan Opsyen Guru	99
3.18 Saiz Sampel Kajian Berdasarkan Kuasa dan Saiz Kesan	100
3.19 Bilangan Sampel Kajian Mengikut Daerah	101
4.1 Analisis Diskriptif Min Dan Sisihan Piawai Perbezaan Tahap Penglibatan Pelajar, Strategi Instruksional, Pengurusan Kelas Dan Tahap Efikasi Kendiri Antara Guru Pendidikan Jasmani Di Bandar Dengan Luar Bandar.	111



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

- 4.2 Analisis Diskriptif Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penglibatan
Pelajar, Strategi Instruksional, Pengurusan Kelas Dan Tahap Efikasi
Kendiri Antara Guru Pendidikan Jasmani Lelaki Dan Perempuan 114
- 4.3 Analisis Diskriptif Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penglibatan
Pelajar, Strategi Instruksional, Pengurusan Kelas Dan Tahap Efikasi
Kendiri Antara Guru Pendidikan Jasmani Berdasarkan Opsyen
Dengan Bukan Opsyen 118
- 4.4 Analisis Diskriptif Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penglibatan
Pelajar, Strategi Instruksional, Pengurusan Kelas Dan Tahap Efikasi
Kendiri Antara Guru Pendidikan Jasmani Jasmani Lelaki Di Bandar
Dengan Luar Bandar 122
- 4.5 Analisis Diskriptif Min Dan Sisihan Piawai Tahap Penglibatan
Pelajar, Strategi Instruksional, Pengurusan Kelas Dan Tahap Efikasi
Kendiri Antara Guru Pendidikan Jasmani Jasmani Perempuan Di
Bandar Dengan Luar Bandar 125
- 4.6 Perkaitan Antara Faktor-Faktor Persekitaran Dengan Tahap Efikasi
Kendiri Guru Pendidikan Jasmani. 128
- 4.7 Perkaitan Antara Faktor-Faktor Lokasi, Jantina dan Pengkhususan
Dengan Efikasi Kendiri Guru Pendidikan Jasmani 131



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi





SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

2.1	Kerangka Teoritis Kajian	33
3.1	Kerangka Konseptual Kajian	62
3.2	Bilangan Komponen dengan Eigenvalue Melebihi Nilai Satu	87
3.3	Proses Pemilihan Lokasi dan Sampel Kajian Penilaian Efikasi Kendiri Guru PJ Sekolah Menengah Negeri Selangor	95



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Pengesahan Instrumen Penilaian 3 Pakar Bahasa Melayu
- B Pengesahan Instrumen Penilaian 3 Pakar Bahasa Inggeris
- C Pengesahan Instrumen Penilaian 4 Pakar Bidang
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – KPM (EPRD)
- E Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – JPN PERAK
- F Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – JPN SELANGOR
- G Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – PPD Petaling Utama
- H Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – PPD Hulu Selangor
- I Surat Kebenaran Menjalankan Kajian – PPD Sabak Bernam
- J Soal Selidik Kajian Rintis
- K Soal Selidik Kajian Sebenar

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012) melaporkan Malaysia berhadapan dengan cabaran untuk menyediakan sistem pendidikan berkualiti. Menurut Ali Hasnah, Ahmad Lukman, Ahmad Sanep dan Ali Noraziah (2009), sistem pendidikan sesebuah negara seharusnya mampu menghasilkan rakyat yang mampu mengisi keperluan untuk masyarakat di dalamnya serta berupaya memenuhi guna tenaga kerja di semua bidang. Justeru itu, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) memberikan tumpuan kepada sekolah di kawasan luar bandar.

Pendidikan luar bandar selalu dikaitkan dengan kemunduran dan tidak mempamerkan prestasi cemerlang seperti pendidikan di bandar. Kekurangan kemudahan insfastruktur dikaitkan dengan lokasi sekolah di kawasan luar bandar. Efikasi sendiri guru adalah antara aspek penting diri guru yang sering dikaitkan dengan sumbangan mereka dalam meningkatkan keberkesanan sekolah. Guru yang komited adalah mereka yang memiliki tahap efikasi-kendiri aras tinggi serta sentiasa lebih bersemangat dalam melaksanakan tugas. Menurut Bandura (1994), efikasi sendiri merupakan kepercayaan individu terhadap kemampuan mempengaruhi orang lain bagi meningkatkan tahap pencapaian yang disasarkan.

Guru yang lebih berpengalaman dalam mengajar mempunyai efikasi sendiri yang lebih baik jika dibandingkan dengan guru yang masih kurang pengalaman mengajar (Johari, Ismail, Osman & Othman, 2009). Pengalaman mengajar dan efikasi sendiri guru mempunyai hubungan yang signifikan. Murshidi, Konting, Elias, dan Fooi (2006), menyatakan efikasi guru baru berbeza mengikut jantina dan latihan guru. Tschnannen Moran dan Woolfolk Hoy (2007) mendapati faktor jantina dan latihan guru tidak mempunyai perkaitan dengan efikasi sendiri guru.

Penilaian terhadap efikasi sendiri guru perlu dilakukan agar dapat diketahui oleh banyak pihak seperti menurut Teng Lung Kiu (2006) yang menyatakan guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi lebih mudah menerima pembaharuan dalam pendidikan. Menurutnya lagi guru akan lebih yakin apabila menghadapi cabaran dan situasi ini menambahkan lagi ketrampilan guru untuk menjadi efektif atau lebih cemerlang terhadap tugas mereka.

Dalam konteks Malaysia kajian berkaitan efikasi sendiri guru masih kurang dijalankan. Kajian terhadap efikasi sendiri guru PJ penting bagi membolehkan perancangan lebih teliti dan tindakan selanjutnya diambil oleh pihak yang berkenaan. Kajian tentang penilaian efikasi sendiri guru PJ dalam melaksanakan tugas mengajar Pendidikan Jasmani perlu dilakukan demi untuk memberi maklumat kepada umum dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pembinaan instrumen penilaian efikasi sendiri mengikut budaya guru Pendidikan Jasmani di Malaysia adalah sangat diperlukan masa kini. Dengan adanya instrumen penilaian yang sah dan boleh dipercayai dapat menguji, mengukur dan menilai efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani. Tujuan kajian ini adalah untuk membina instrumen penilaian efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani. Instrumen penilaian soal selidik ini seterusnya dapat digunakan untuk menilai tahap efikasi sendiri guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Akta Pendidikan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1996), Pendidikan Jasmani (PJ) merupakan subjek teras di sekolah-sekolah bantuan kerajaan Malaysia. Subjek Pendidikan Jasmani harus diajar pada semua peringkat murid meliputi kelas peperiksaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002). Guru PJ berperanan untuk menekankan pembangunan personaliti yang ditentukan iaitu bidang fizikal, intelektual, moral dan pendidikan bekerja (Stojanovic & Zdrašković, 2012).

Laporan Jemaah Nazir (2007) membangkitkan laporan bahawa guru bukan opsyen PJ tidak menekankan kawalan disiplin terhadap murid semasa sesi pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani (PJ). Jemaah Nazir juga melaporkan bahawa ketidakupayaan guru PJ untuk melibatkan murid dalam mengikuti pembelajaran. Hasil pemerhatian ini menjelaskan punca murid tidak berminat dan tidak dapat memberi tumpuan kepada apa yang ingin dipelajari.

Terdapat kalangan guru bukan opsyen PJ menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran yang membosankan kerana kurang mahir dalam mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran. Jika perkara ini tidak diatasi ia mungkin akan menjejaskan tahap efikasi sendiri guru PJ itu sendiri. Selain itu ada didapati guru opsyen PJ yang tidak mendapat peluang untuk mengajar mengikut masa optimum mereka. Guru PJ hanya diberi kurang dari 14 waktu untuk mengajar subjek berkenaan dalam seminggu. Laporan seterusnya ialah guru-guru PJ yang selalu bertukar ganti. Hal ini akan menjejaskan persediaan oleh guru PJ tersebut. Malah, terdapat sebahagian sekolah mengarahkan guru tidak terlatih dalam bidang Pendidikan Jasmani (PJ) untuk mengajar mata pelajaran tersebut sekadar mencukupkan jumlah waktu pengajaran guru dalam seminggu hari persekolahan. Hal yang sedemikian mungkin akan menjejaskan efikasi sendiri guru PJ tersebut.

Terdapat di kalangan guru bukan opsyen PJ terpaksa mengikut arahan pihak pentadbir sekolah untuk mengajar mata pelajaran PJ. Hal Ini menurut mereka akan menyebabkan perasaan guru menjadi sedikit bimbang untuk meneruskan sesi pengajaran dan pembelajaran terhadap mata pelajaran tersebut. Guru yang bukan opsyen PJ sudah

tentu kurang memahami tentang mata pelajaran ini dan ia tentu memberi kesan kepada murid. Situasi yang sedemikian juga boleh menjejaskan efikasi sendiri seseorang guru PJ itu sendiri.

Pihak pentadbir di sekolah beranggapan bahawa semua guru boleh mengajar mata pelajaran PJ dengan baik tetapi hakikatnya mereka belum tentu dapat melaksanakan tugas tersebut mengikut apa yang diharapkan. Menurut Shahrum Md. Saud (2007) menyatakan kurangnya bilangan kajian mengenai mata pelajaran Jasmani menyebabkan pihak berkepentingan pendidikan kurang mengenal pasti keberkesanan pengajaran guru terhadap mata pelajaran tersebut. Menurutny lagi kekurangan tersebut disebabkan mata pelajaran Pendidikan Jasmani dianggap kurang penting dan dikategorikan dalam mata pelajaran teras yang tidak diuji dalam peperiksaan penting seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Kajian mengenai penilaian keberkesanan pengajaran mata pelajaran Pendidikan Jasmani oleh guru PJ amat berkurangan di Malaysia dan implikasinya, kerajaan kurang mengetahui pulangan daripada dasar yang telah digubal (Zulkifli Awang, 2012). Kenyataan tersebut dipersetujui oleh Kercheval dan Newbill (2003) serta Taylor, Pressley dan Pearson (2000), yang menyatakan kekurangan aktiviti penyelidikan menyebabkan sukar berlakunya proses penambahbaikan terhadap dasar pendidikan di sesebuah negara.

Tanpa penilaian efikasi sendiri, guru tidak dapat mengenal pasti sama ada murid telah belajar mengikut *standard* yang telah ditentukan. Penilaian terhadap efikasi sendiri guru perlu dilakukan agar dapat diketahui oleh banyak pihak seperti menurut Teng Lung Kiu (2006) yang menyatakan guru yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi lebih

mudah menerima pembaharuan dalam pendidikan. Menurutnya lagi guru akan lebih yakin apabila menghadapi cabaran dan situasi ini menambahkan lagi ketrampilan guru untuk menjadi efektif atau lebih cemerlang terhadap tugas mereka.

Terdapat guru-guru didapati masih cenderung untuk bekerja secara bersendirian dan jarang mengamalkan budaya perkongsian pengalaman dan perbincangan dengan rakan setugas mereka. Perbincangan sesama rakan guru harus sentiasa berlaku agar dapat menambahbaik lagi prestasi kerja. Guru-guru yang cenderung mengamalkan cara bekerja secara tradisional iaitu bekerja secara bersendirian ini boleh mempengaruhi tahap efikasi sendiri mereka (Stegall, 2011). Ketiadaan hubungan dan perbincangan serta perkongsian ilmu akan menyebabkan peningkatan kemahiran mengajar guru tidak berlaku dan guru yang bertindak bersendirian akan menyebabkan mereka tidak dapat meningkatkan kemahiran sekaligus menjejaskan prestasi murid (Yusoff & Osman, 2010).

Menurut Jaafar dan Tamuri (2013), dalam konteks Malaysia kajian berkaitan efikasi sendiri guru masih kurang dijalankan. Kajian terhadap efikasi sendiri penting bagi membolehkan perancangan lebih teliti dan tindakan selanjutnya diambil oleh pihak yang berkenaan. Kita mahu kelak negara akan diwarisi oleh rakyat yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang subjek Pendidikan Jasmani (Ali, Hassan & Jani, 2014).

Berdasarkan keterangan-keterangan yang telah dinyatakan tersebut, telah mendorong penyelidik untuk membina instrumen penilaian yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan dan seterusnya menjalankan kajian untuk menilai tahap efikasi sendiri guru PJ. Penilaian efikasi sendiri guru PJ dalam melaksanakan tugas mengajar

Pendidikan Jasmani perlu dilakukan demi untuk memberi maklumat kepada umum dan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Berdasarkan maklumat kajian ini diharapkan pihak yang berkenaan dapat melakukan penambahbaikan terhadap peningkatan kualiti dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah kelak.

1.3 Kepentingan Kajian

Antara kepentingan kajian yang dijalankan adalah seperti berikut :

- i. Kajian penilaian efikasi sendiri guru PJ yang sah dan boleh dipercayai ini dapat memberi maklumat tentang tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru PJ berdasarkan opsyen, lokasi sekolah dan berdasarkan jantina guru. Maklumat tersebut dapat digunakan untuk penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran PJ.
- ii. Kajian ini dapat memberi penjelasan kepada guru PJ tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran PJ. Penjelasan ini dapat membantu guru PJ mengenalpasti kelemahan dan melakukan penambahbaikan terhadap pengajaran mereka.
- iii. Maklumat hasil kajian dapat digunakan oleh guru PJ itu sendiri dan Panitia PJ untuk menambah baik program pengajaran dan pembelajaran PJ di sekolah.

- iv. Kajian ini dapat memberi maklumat tentang tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan efikasi sendiri guru PJ kepada pihak sekolah dan PPD bagi meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani oleh guru.
- v. Kajian ini dapat memberi maklumat tentang tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan efikasi sendiri guru PJ kepada pihak JPN Selangor dalam mengenalpasti kelemahan dan kekuatan yang ada dalam kalangan guru yang mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah.
- vi. Kajian ini dapat memberi maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membuat penambahbaikan dalam merancang semula kursus perguruan kepada bakal guru Pendidikan Jasmani.
- vii. Melalui kajian ini dapat diketahui faktor persekitaran yang mempengaruhi efikasi sendiri guru PJ.

1.4 Objektif Kajian

Secara khususnya objektif kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengenalpasti sejauhmanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani di bandar dengan luar bandar.

- ii. Mengenalpasti sejauhmanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Jasmani lelaki dan perempuan.

- iii. Mengenalpasti sejauhmanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani berdasarkan opsyen dengan bukan opsyen.

- iv. Mengenalpasti sejauhmanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani lelaki di bandar dengan luar bandar.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- v. Mengenalpasti sejauhmanakah perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani perempuan di bandar dengan luar bandar.

- vi. Mengenalpasti sejauhmanakah perkaitan faktor-faktor persekitaran dengan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Secara khususnya persoalan kajian ini adalah untuk mengenalpasti :-

i. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani di bandar dengan luar bandar?

ii. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani lelaki dan perempuan?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

iii. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani berdasarkan opsyen dengan bukan opsyen?

iv. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani lelaki di bandar dengan luar bandar?

v. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas dan tahap efikasi sendiri antara guru Pendidikan Jasmani perempuan di bandar dengan luar bandar?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- vi. Adakah terdapat perkaitan antara faktor-faktor persekitaran dengan tahap efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani?



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.6 Limitasi Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional, pengurusan kelas serta tahap efikasi sendiri oleh guru Pendidikan Jasmani (PJ) yang mengajar mata pelajaran (PJ) di bandar dengan luar bandar dalam Negeri Selangor Darul Ehsan. Sampel kajian ialah guru yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani (PJ) sekolah menengah daerah pendidikan terpilih dalam negeri Selangor.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini dijalankan ke atas guru Pendidikan Jasmani (PJ) yang bertugas di sekolah menengah kategori bandar dan luar bandar di daerah pendidikan terpilih dalam negeri Selangor Darul Ehsan sahaja. Sampel yang dipilih dapat mewakili populasi semua guru PJ dalam negeri Selangor. Kajian ini dijalankan berdasarkan limitasi seperti berikut:-

- i. Kajian dijalankan di 52 buah sekolah menengah dalam negeri Selangor Darul Ehsan sahaja.
- ii. Kajian ini dilakukan di 13 buah sekolah menengah kategori luar bandar dalam daerah Hulu Selangor dan 11 buah sekolah menengah kategori luar bandar dalam daerah Sabak Bernam manakala 28 buah sekolah menengah kategori bandar dijalankan dalam daerah Petaling Utama.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

- iii. Subjek kajian hanya melibatkan guru-guru yang mengajar Pendidikan Jasmani di sekolah-sekolah menengah dalam tiga daerah yang tersebut.
- iv. Data diperolehi dengan menggunakan instrumen penilaian efikasi sendiri *Teachers' Sense of Efficacy Scale (TSES) 'long form'*, yang dibina oleh Tschannen-Moran dan Woolfolk Hoy, (2001) dan telah diubahsuai.
- v. Kajian ini hanya tertumpu kepada guru PJ yang melibatkan opsyen dan bukan opsyen, jantina, lokasi, pengalaman mengajar dan tidak mengambilkira faktor umur guru PJ tersebut.

1.7 Definisi Operasional

Pelbagai terminologi dan konsep digunakan dalam penilaian efikasi sendiri guru Pendidikan Jasmani (PJ) sekolah menengah di bandar dan luar bandar dalam negeri Selangor. Pengertian terminologi dan konsep dalam konteks kajian ini adalah diaplikasikan kepada istilah-istilah yang digunakan dalam kajian ini.

1.7.1 Penilaian

Penilaian adalah proses untuk menentukan nilai data yang telah diperolehi. Penilaian juga merujuk kepada menterjemahkan dapatan ujian kepada maklumat yang lebih bermakna (Ahmad Hashim, 2015). Penilaian digunakan untuk membuat pertimbangan agar keputusan tidak berat sebelah. Tanpa penilaian data yang diperolehi adalah tidak bermakna. Penilaian perlu diadakan bagi menentukan keberkesanan pengajaran dan

pembelajaran. Penilaian yang berkesan memerlukan prosedur ujian yang baik. Hanya prosedur ujian yang baik dan mudah digunakan serta difahami sahaja yang dapat menghasilkan penilaian yang tekal dan boleh dipercayai.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.7.2 Efikasi Kendiri

Dalam kajian ini, efikasi kendiri merujuk kepada tahap keyakinan dan kepercayaan sendiri seseorang guru Pendidikan Jasmani untuk melaksanakan tugas mengajar dan tanggungjawab mereka ke arah menghasilkan sesuatu yang terbaik mengikut kemampuan masing-masing (Tschannen-Moran & Hoy, 2001) . Efikasi kendiri boleh didefinisikan sebagai penilaian atau kepercayaan individu ke atas dirinya sendiri atau tanggapan terhadap dirinya sendiri. Ia berkait rapat dengan perasaan terhadap keupayaan atau kebolehan yang dimilikinya. Efikasi kendiri guru PJ dalam kajian ini juga melibatkan tahap penglibatan pelajar, strategi instruksional dan pengurusan kelas oleh guru.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.7.3 Penglibatan Pelajar

Penglibatan pelajar merujuk kebolehan dan kemampuan guru PJ untuk menggalakkan penyertaan dan penglibatan para pelajar secara aktif di dalam kelas.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.7.4 Strategi Instruksional



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Strategi Instruksional merujuk kebolehan dan kemampuan guru PJ untuk mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran mereka bagi mewujudkan sesi pembelajaran yang memberangsangkan.

1.7.5 Pengurusan Kelas

Pengurusan kelas bermaksud keupayaan guru untuk mengawal suasana di dalam kelas agar sentiasa dalam keadaan yang kondusif dan terkawal iaitu para pelajar dapat mengikuti pengajaran oleh guru tanpa ada gangguan. Dalam erti kata lain tiada pelajar yang mengganggu pelajar lain untuk mengikuti pembelajaran yang disampaikan oleh guru.

1.7.6 Guru Pendidikan Jasmani

Guru lelaki atau perempuan yang mengajar subjek Pendidikan Jasmani (PJ) di sekolah menengah yang menekankan kepada proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti fizikal bagi menggalakkan perkembangan jasmani, intelek, emosi, rohani dan sosial.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi